



Good food, Good life

### **TERMA & SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

<b>1. <u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] [“Penganjur”].																		
<b>2. <u>Promosi:</u></b>	NESTLÉ KITKAT JOM RILEK & TEBUS [“Promosi”].																		
<b>3. <u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 26/05/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 20/07/2023.																		
<b>4. <u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																		
<b>5. <u>Produk Turut Serta:</u></b>	<p>a. Untuk produk KITKAT CONFECTIONERY yang turut serta [“Produk”], sila rujuk kepada jadual di bawah:</p> <table border="1"><thead><tr><th><b>PRODUK TURUT SERTA</b></th></tr></thead><tbody><tr><td><b>WAJIB</b></td></tr><tr><td><b>KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]</b></td></tr><tr><td><b>KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack [Sharebag]</b></td></tr><tr><td><b>LAIN-LAIN</b></td></tr><tr><td>KITKAT 2-Finger 6 packs</td></tr><tr><td>KITKAT 2-Finger</td></tr><tr><td>KITKAT 4-Finger</td></tr><tr><td>KITKAT 4-Finger 3 packs</td></tr><tr><td>KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs</td></tr><tr><td>KITKAT Green Tea 4-Finger</td></tr><tr><td>KITKAT Gold 2-Finger 8 packs</td></tr><tr><td>KITKAT Gold 4-Finger</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Milk Chocolate</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Milk Chocolate 3 packs</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Cookies &amp; Cream</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Raisin &amp; Cookie</td></tr><tr><td>KITKAT Dark Cookies 4-Finger</td></tr></tbody></table>	<b>PRODUK TURUT SERTA</b>	<b>WAJIB</b>	<b>KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]</b>	<b>KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack [Sharebag]</b>	<b>LAIN-LAIN</b>	KITKAT 2-Finger 6 packs	KITKAT 2-Finger	KITKAT 4-Finger	KITKAT 4-Finger 3 packs	KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs	KITKAT Green Tea 4-Finger	KITKAT Gold 2-Finger 8 packs	KITKAT Gold 4-Finger	KITKAT CHUNKY Milk Chocolate	KITKAT CHUNKY Milk Chocolate 3 packs	KITKAT CHUNKY Cookies & Cream	KITKAT CHUNKY Raisin & Cookie	KITKAT Dark Cookies 4-Finger
<b>PRODUK TURUT SERTA</b>																			
<b>WAJIB</b>																			
<b>KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]</b>																			
<b>KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack [Sharebag]</b>																			
<b>LAIN-LAIN</b>																			
KITKAT 2-Finger 6 packs																			
KITKAT 2-Finger																			
KITKAT 4-Finger																			
KITKAT 4-Finger 3 packs																			
KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs																			
KITKAT Green Tea 4-Finger																			
KITKAT Gold 2-Finger 8 packs																			
KITKAT Gold 4-Finger																			
KITKAT CHUNKY Milk Chocolate																			
KITKAT CHUNKY Milk Chocolate 3 packs																			
KITKAT CHUNKY Cookies & Cream																			
KITKAT CHUNKY Raisin & Cookie																			
KITKAT Dark Cookies 4-Finger																			

	<table border="1"> <tr><td>KITKAT Dark Cookies 2-Finger 5 packs</td></tr> <tr><td>KITKAT Bites</td></tr> <tr><td>KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs</td></tr> <tr><td>KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs</td></tr> <tr><td>KITKAT Bar Milk Chocolate</td></tr> <tr><td>KITKAT Bar Dark Chocolate</td></tr> <tr><td>KITKAT Bar Dark Orange</td></tr> <tr><td>KITKAT Bar Dark Mint</td></tr> <tr><td>KITKAT Mini 8 pieces</td></tr> <tr><td>KITKAT Mini with Luminarc Mug</td></tr> <tr><td>KITKAT Mini with Travel Bag</td></tr> <tr><td>KITKAT Cele-break</td></tr> </table>	KITKAT Dark Cookies 2-Finger 5 packs	KITKAT Bites	KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs	KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs	KITKAT Bar Milk Chocolate	KITKAT Bar Dark Chocolate	KITKAT Bar Dark Orange	KITKAT Bar Dark Mint	KITKAT Mini 8 pieces	KITKAT Mini with Luminarc Mug	KITKAT Mini with Travel Bag	KITKAT Cele-break	
KITKAT Dark Cookies 2-Finger 5 packs														
KITKAT Bites														
KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs														
KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs														
KITKAT Bar Milk Chocolate														
KITKAT Bar Dark Chocolate														
KITKAT Bar Dark Orange														
KITKAT Bar Dark Mint														
KITKAT Mini 8 pieces														
KITKAT Mini with Luminarc Mug														
KITKAT Mini with Travel Bag														
KITKAT Cele-break														
6. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi dan menebus, beli minima Ringgit Malaysia Dua Puluh [RM20] satu [1] atau lebih sama ada produk CONFECTIONERY* <b>KITKAT 2-Finger 12 packs</b> atau <b>KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack</b> dan mana-mana produk NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY yang turut serta dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai [“Resit”] dan/atau invois dan/atau tangkapan skrin pesanan daripada peniaga dalam talian [“Invois”] semasa Tempoh Promosi [“secara kolektif dirujuk sebagai <b>Bukti Pembelian</b>”].</p> <p><i>*Semua pembelian mesti termasuk produk wajib <b>sekurang-kurangnya satu [1]</b> sama ada produk CONFECTIONERY <b>KITKAT 2-Finger 12 packs</b> atau <b>KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack</b> untuk layak menyertai Promosi.</i></p> <p>b. <u>Resit di dalam kedai Outlet:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem Point of Sale Outlet dan/atau resit bertulis untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.</li> <li>ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit dan nama dan/atau logo Outlet [“Butiran Resit”].</li> </ul> <p>c. Invois Peniaga Dalam Talian:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Invois boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin invois dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian dari mana-mana peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau sebarang diskaun lain, <u>jumlah pembayaran akhir Produk</u> mestilah jumlah pembelian minima dan ke atas untuk layak.</li> </ul>													

	<p>ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, pesanan dan/atau nombor invois dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian [“Butiran Invois”].</p> <p>d. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun <b>setiap Resit dan/atau Invois unik HANYA layak untuk satu [1] penyertaan</b>. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan yang dicetak semula/berulang/rosak dan Imej yang mengandungi lebih daripada satu [1] Bukti Pembelian.</p> <p>e. Untuk menyertai Promosi melalui Laman Web Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawati Laman Web Promosi dan lengkapkan Borang Web di: <a href="https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1225711_2862/KitKat-Jom-Rilek-Tebus.html">https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1225711_2862/KitKat-Jom-Rilek-Tebus.html</a> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian.</li> <li>ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk nombor mudah alih yang serasi dengan Aplikasi WhatsApp dan GRAB [“Butiran Peribadi”] dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi.</li> <li>iii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png [“Imej”] Bukti Pembelian dengan butiran yang diperlukan.</li> <li>iv. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 2MB.</li> <li>v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’ [“Penyertaan”].</li> <li>vi. Pengajur akan auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.</li> </ul> <p>f. Pengajur akan memproses semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penyertaan dengan Imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca dan yang tidak lengkap akan dibatalkan tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>g. Pengajur berhak untuk meminta Bukti Pembelian asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan.</p> <p>h. Peserta dengan pembelian di dalam kedai dari mana-mana outlet eksklusif yang disenaraikan di bawah [“Outlet Eksklusif”], semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah tambahan. Sila rujuk klausula 9.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. LOTUS’S, dan</li> <li>ii. 99SPEEDMART.</li> </ul>
--	--

<b>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 20/07/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
<b>8. <u>Penebusan:</u></b>	<p>a. Penganjur akan memperuntukkan satu [1] penebusan untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur tanpa mengira jumlah pembelian yang dibuat, sepanjang Tempoh Promosi [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"].</p> <p><u>Contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jika anda membeli Produk berjumlah RM29.50 dalam satu Resit dan/atau Invois semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] penebusan kepada Penyertaan layak anda.</li> <li>ii. Jika anda membeli Produk berjumlah RM89.50 dalam satu Resit dan/atau Invois semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] penebusan kepada Penyertaan layak anda.</li> </ul> <p>b. Penebusan adalah terhad kepada Empat Puluh Ribu [40,000] e-baucar Grab RM6 pertama yang ditebus sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya jumlah Empat Puluh Ribu [40,000] e-baucar Grab RM6 telah ditebus sepenuhnya, Penganjur akan mengemas kini status dalam Laman Web Promosi di: <a href="https://www.dearnestle.com.my/kitkat-rilek-tebus-redemption-campaign">https://www.dearnestle.com.my/kitkat-rilek-tebus-redemption-campaign</a>.</p> <p>c. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar pautan untuk e-baucar Grab RM6 kepada Peserta melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi di <b>6018 388 2199</b> ke nombor mudah alih yang dihantar dalam Borang Web dalam tempoh lima belas [15] hari bekerja dari penyerahan Penyertaan.</p> <p>d. Setiap Peserta [dengan nombor mudah alih unik] boleh menebus hanya tiga [3] e-baucar Grab RM6 di sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>e. Semua e-baucar Grab RM6 yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>f. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat GrabCar Sdn Bhd [Grab] dan pihak yang mengatur dan menyediakan e-baucar Grab. Berikut adalah terma dan syarat Grab:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan e-baucar Grab tertakluk pada Terma &amp; Syarat GrabCar Sdn Bhd di: <a href="https://www.grab.com/my/terms-policies/transport-delivery-logistics/">https://www.grab.com/my/terms-policies/transport-delivery-logistics/</a> dan Notis Privasi Grab Gifts di: <a href="https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-policy/">https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-policy/</a>.</li> <li>g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana e-baucar Grab RM6 tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan</li> </ul>

	<p>Promosi. Atas permintaan, semua Peserta yang layak mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan penebusan.</p> <p>h. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran e-baucar Grab RM6 sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya e-baucar Grab RM6 tidak diterima atau lewat penghantarannya kepada Peserta. Semua e-baucar Grab RM6 yang tidak dituntut selepas 31/10/2023 akan dibatalkan.</p>									
<b>9. <u>Promosi Outlet Eksklusif:</u></b>	<p>a. Bagi Peserta dengan pembelian dari mana-mana dua [2] Outlet Eksklusif yang disenaraikan di bawah semasa Tempoh Promosi akan layak untuk memenangi Hadiah tambahan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO</th><th>OUTLET EKSKLUSIF</th><th>HADIAH TAMBAHAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i.</td><td>LOTUS'S</td><td>Lima [5] Hadiah Utama berupa Vakum SAMSUNG JET 70 Multi Stick setiap satu.</td></tr> <tr> <td>ii.</td><td>99SPEEDMART</td><td>Sepuluh [10] Hadiah Utama berupa Telefon Pintar SAMSUNG A14 5G setiap satu.</td></tr> </tbody> </table> <p>b. Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan setiap Penyertaan Outlet Eksklusif.</p> <p>c. <u>Outlet Eksklusif LOTUS'S:</u> Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak dari <u>LOTUS'S</u> bermula dari nombor bersiri "1". Andainya Jumlah Penyertaan Layak <u>LOTUS'S</u> yang diterima di sepanjang Tempoh Promosi ialah 405 Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Utama LOTUS'S: <math>506 \div 5 = 101.20</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 506 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 101.20 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>101</u>. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak <u>LOTUS'S</u> yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 101*, 202*, 303*, 404 dan 505 [*contoh pengiraan: <u>101</u>, <u>101+101=202</u>, <u>202+101=303</u>].</p> <p>d. <u>Outlet Eksklusif 99SPEEDMART:</u> Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak dari <u>99SPEEDMART</u> bermula dari nombor bersiri "1". Andainya Jumlah Penyertaan Layak <u>99SPEEDMART</u> yang diterima di sepanjang Tempoh Promosi ialah 505 Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan sepuluh [10] Finalis Hadiah Utama 99SPEEDMART: <math>505 \div 10 = 50.50</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 505 dengan 10 akan menghasilkan</p>	NO	OUTLET EKSKLUSIF	HADIAH TAMBAHAN	i.	LOTUS'S	Lima [5] Hadiah Utama berupa Vakum SAMSUNG JET 70 Multi Stick setiap satu.	ii.	99SPEEDMART	Sepuluh [10] Hadiah Utama berupa Telefon Pintar SAMSUNG A14 5G setiap satu.
NO	OUTLET EKSKLUSIF	HADIAH TAMBAHAN								
i.	LOTUS'S	Lima [5] Hadiah Utama berupa Vakum SAMSUNG JET 70 Multi Stick setiap satu.								
ii.	99SPEEDMART	Sepuluh [10] Hadiah Utama berupa Telefon Pintar SAMSUNG A14 5G setiap satu.								

	<p>nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 505.50 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>50</u>. 10 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak <u>99SPEEDMART</u> yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 50*, 100*, 150*, 200 dan seterusnya [*contoh pengiraan: <u>50</u>, <u>50+50=100</u>, <u>100+50 =150</u>].</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>e. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Outlet Eksklusif terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 2199</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</li> <li>f. Setiap Peserta Outlet Eksklusif [dengan nombor pengenalan unik] hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. satu [1] Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S, dan</li> <li>ii. one [1] Hadiah Outlet Eksklusif 99SPEEDMART.</li> </ul> </li> <li>g. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan Hadiah. Semua Hadiah akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diterima Penganjur dalam Penyertaan dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</li> </ul>
<b>10. <u>Terma Tambahan:</u></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan barang penebusan dan/atau Hadiah dengan barang penebusan dan/atau Hadiah yang sama nilai sekiranya barang penebusan dan/atau Hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</li> <li>b. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada barang penebusan semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</li> <li>c. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</li> </ul>

**Jadual bagi Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.dearnestle.com.my/kitkat-rilek-tebus-redemption-campaign>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

**B: Syarat-syarat Penyertaan**

**1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

**2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau

penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemuatan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuai komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

### **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).